

Menentang kemajuan, perpaduan ummah semata-mata untuk jayakan

Pas parti pengkhianat

UM 2 4 JUN 2001

Liputan penuh Perhimpunan Agung UMNO 2001 boleh diikuti secara masa nyata melalui laman web

www.utusan.com.my

Oleh ZULKIFLI HAMZAH

KUALA LUMPUR 23 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pas adalah parti pengkhianat orang Melayu dan negara Islam kerana menentang kemajuan serta perpaduan ummah semata-mata untuk menjayakan politik sempit parti itu.

Ini, tegas Presiden UMNO, kerana Pas sanggup menggadai hak keistimewaan Melayu selain menolak perpaduan bangsa.

Parti itu juga, menurut beliau, tergamak menidakkan keislaman negara ini, tidak berani menghalang tuntutan bukan Islam untuk mendapatkan hak sama rata penyebaran agama dan mendedahkan ekstremis Islam ke atas orang Islam lain.

“Pas telah mengkhianati orang Islam dan mengkhianati negara Islam,” katanya.

- Sedutan penggulungan Presiden UMNO — Muka 7
- Lagi laporan dan gambar di muka 2,3,4,5,11,12 dan 13

Menurut Dr. Mahathir, Pas mengangap Malaysia negara sekular sedangkan ia diiktiraf negara Islam cemerlang oleh negara Islam lain di seluruh dunia.

Beliau menegaskan demikian semasa menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung UMNO ke-55 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Ucapan Dr. Mahathir selama sejam 40 minit yang berterus terang dan bernada tegas itu adalah ucapan penggulungan perhimpunan agung yang terbaik pernah disaksikan dalam tempoh 20 tahun memimpin UMNO.

Kata Dr. Mahathir, Pas sanggup berbuat apa sahaja untuk meraih undi bagi mendapatkan kuasa termasuk menjual hak keistimewaan orang Melayu, mengkafirkan UMNO dan menipu orang Cina.

Pas, kata Dr. Mahathir, seperti dinyatakan oleh Timbalan Presidennya, Abdul Hadi Awang menuduh kerajaan se-

■ Lihat muka 4

kular kerana menggunakan sistem pentadbiran tinggalan penjajah dahulu.

"Kita menggunakan mahkamah sivil, tidak hanya mahkamah syariah sahaja, sebab itu kita dianggap sekular. Ini jawapan Haji Hadi," katanya.

Dr. Mahathir seterusnya mencabar Hadi menjawab secara bertulis dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Cina sama ada akan menghapuskan mahkamah sivil apabila parti itu dapat memerintah.

"Jawab betul-betul," katanya yang membacakan petikan dalam bahasa Inggeris kenyataan Hadi yang disiarkan oleh akhbar *Harakah* bagi membuktikan putar belit parti itu.

Jelasnya, kenyataan dalam bahasa Inggeris Hadi itu tentulah tidak ditujukan kepada orang kampung tetapi kepada sasaran pembaca bukan Melayu khususnya Cina.

Dalam petikan itu, kata Dr. Mahathir, Hadi ditanya sama ada Terengganu bakal

menjadi negeri Islam seperti Afghanistan di bawah Taleban, Iran atau Arab Saudi.

Dalam petikan itu Hadi menjawab bahawa sumber dan panduan negara Islam bukan daripada negara Arab termasuk Arab Saudi tetapi al-Quran dan hadis.

"Suasana negara berkenaan dan karektor masyarakatnya adalah berbeza. Kita kena menyedari semua itu ditambah pula populasi di sana hampir 100 peratus beragama Islam, kita di Malaysia ada bukan Islam," katanya.

Kata Dr. Mahathir, petikan itu adalah contoh penipuan Pas yang dahulu hendak menubuhkan negara Islam dan melaksanakan hukum hudud tanpa mahu mengambil kira kepentingan orang Cina dan India.

"Tetapi ini lain pulak, Dia pun hendak buat macam UMNO buat. Kita masih ada mahkamah sivil, dia pun hendak ada jugalah," katanya.

Presiden UMNO berkata, untuk menda-

patkan sokongan masyarakat Cina daripada DAP itu, Pas sanggup menabur apa juga janji.

Tetapi, kata Dr. Mahathir, apabila UMNO meminta supaya diadakan pertemuan bagi membincangkan perpaduan Melayu, parti itu menolak.

"(Pas) Tidak mahu perpaduan orang Melayu tetapi mahu perpaduan nasional dan apabila kata perpaduan nasional, mereka nampak undi orang Cina. Itulah tujuan Pas," tegasnya.

Tambah beliau, Pas rela menjual orang Melayu asalkan mereka mendapat undi daripada orang-orang Cina termasuk menyokong tuntutan Suqiu.

"Ini kerana dia (Pas) hendak undi daripada orang ini kerana dia hendak tempat di dunia bukannya di akhirat," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, tuduhan Pas bahawa UMNO adalah kafir dibuat kerana parti itu ingin menentang segala usaha memajukan negara ini.

- PM

"Untuk menjadikan kita orang Melayu, orang Islam sebagai satu bangsa yang mampu bersaing dengan bangsa-bangsa maju yang lain, mereka menentang kerana kononnya ini adalah sekular, ini adalah kafir."

"Orang UMNO adalah kafir dan adalah halal bagi mereka menentang orang kafir," katanya.

Kesan daripada itu, jelasnya, darah orang UMNO dihalalkan kerana didakwa tidak berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar.

Dr. Mahathir berkata apabila Pas menuhkan UMNO sebagai kafir, parti pembangkang itu sebenarnya bertujuan menentang segala usaha parti untuk memajukan negara ini dan menjadikan orang Melayu sebagai orang Islam yang mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain yang telah maju.

Katanya, golongan seperti Pas inilah yang menyebabkan negara-negara Islam di dunia

ini begitu mundur dan mudah ditindas oleh kuasa besar.

"Sebabnya ialah apabila ada saja pemerintah negara Islam yang cuba memodenkan negara dengan memperkenalkan ilmu-ilmu yang dianggap penting untuk pembangunan negara, maka akan muncullah satu kumpulan yang akan menentang, menentang segala usaha ini kerana kononnya usaha ini tidak Islam," katanya.

Tambah beliau, kepercayaan bahawa membunuh orang UMNO adalah halal telah bermula dan ia perlu dihalang daripada terus berkembang.

Dr. Mahathir menjelaskan faktor lain penghalang kemajuan orang Melayu ialah Pas mendidik golongan muda bahawa pendidikan selain agama adalah pendidikan orang kafir.

Katanya, ia ditanam oleh parti pembangkang itu sejak anak-anak masih belajar di tadika lagi.